

Penganggur ludah, ugut ibu dipenjara 14 bulan

KUCHING: Perbuatan seorang penganggur lelaki yang berulang kali meludah muka ibunya dan mengugut hendak memukul mangsa setelah tidak diberikan wang membawa padah apabila dia dipenjara 14 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Joseph Sumbang, 36, yang tidak diwakili peguam, mengaku bersalah sebaik didakwa atas dua pertuduhan di bawah Seksyen berbeza.

Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman penjara 14 bulan bagi pertuduhan pertama di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksan bagi kesalahan melakukan ugutan jenayah terhadap ibunya yang berusia 68 tahun.

Sementara bagi pertuduhan mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksan iaitu menghina kehormatan dengan cara meludah ke arah muka mangsa, Ling menjatuhkan hukuman penjara tiga bulan terhadap tertuduh.

Ling bagaimanapun memerintahkan hukuman penjara bagi kedua-dua pertuduhan untuk dijalankan serentak mulai tarikh reman iaitu pada 7 April 2026.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 9.30 malam pada 2 April 2026 di sebuah rumah di Kampung Sungai Apong Baru di sini.

Berdasarkan keterangan kes, tertuduh mengamuk dan bertindak agresif semasa bertengkar mulut dengan ibunya, malah dia turut meludah ke arah muka mangsa

berulang kali.

Pada masa yang sama, tertuduh turut menumbuk dinding dan menumbuk tilam tempat mangsa tidur.

Kejadian sebegitu seringkali berlaku sehingga menyebabkan mangsa berasa takut dan trauma untuk tinggal bersama tertuduh yang sering mengamuk jika tidak diberikan wang ataupun jika kemahuannya tidak dituruti.

Selain itu, tertuduh juga mengugut mangsa dengan mengatakan 'jaga kamu nanti' dengan niat mahu mencederakan mangsa.

Tertuduh yang berada dalam keadaan panas baran turut meminta telefon bimbit milik mangsa sebelum beredar keluar.

Semasa kejadian juga, tertuduh masih berada di bawah pengaruh penyalahgunaan dadah.

Khuatir akan keselamatan diri, mangsa membuat laporan polis dan tertuduh ditangkap pada 3 April 2026.

Hasil siasatan mendapati tertuduh telah menakutkan mangsa secara jenayah dengan cara mengamuk dan mengugut hendak mencederakan mangsa, selain menghina kehormatan mangsa dengan meludah ke arah muka mangsa.

Difahamkan, tertuduh sering meminta wang daripada ibunya untuk membeli dadah.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Fauzulutfi Suriani.